



Seksyen Media

Unit Komunikasi Korporat

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Tel : 03-2617 9812

akhtar@dbkl.gov.my

Faks : 03-2694 1373

e-mel :

( )dlm.DBKL / UHEAA - SM / 04

## **MAKLUMBALAS MEDIA**

Pengarang

The Sun

### **New playground needs work**

Kami merujuk kepada aduan serta cadangan oleh Cheong Sai Fah di dalam ruangan Surat kepada Pengarang bertarikh 3 Julai 2009 dan mengucapkan terima kasih di atas cadangan yang diberikan. Walaubagaimanapun, DBKL ingin menjelaskan mengenai aduan yang dikemukakan.

Taman Tasik Ampang Hilir telah beroperasi pada 1 Jun 2009 dan dibuka kepada orang awam untuk kegunaan rekreasi. Taman ini menyediakan dua permainan kanak-kanak. Lokasi pertama bagi taman permainan kanak-kanak tersebut terletak berhampiran dengan Dewan Serbaguna Ampang Hilir yang bersebelahan dengan tempat letak kereta di pintu masuk utama dari Jalan Kampung Desa Pahlawan. Lokasi kedua pula berada di kawasan senam riang berhampiran Jalan Ampang Hilir dan kedudukannya agak jauh dari tempat letak kereta . Walaubagaimanapun, ianya adalah selamat dan sesuai sebagai kawasan taman permainan kanak-kanak.

Sehubungan dengan itu, pengguna diberi pilihan yang sewajarnya untuk menggunakan salah satu taman permainan kanak-kanak tersebut. Dimaklumkan juga, permainan dan senam riang dipasang mengikut piawaian (*standard*) taman permainan kanak-kanak. Namun demikian, DBKL akan mengenalpasti dan memperbaiki kecacatan peralatan taman

permainan kanak-kanak seperti yang dicadangkan oleh Cheong Sai Fah.

Selain itu, taman ini mempunyai lebih kurang 100 buah tempat letak kereta yang disediakan bagi kemudahan pengunjung taman. Namun demikian, DBKL akan mengkaji keperluan cadangan tempat letak kereta tersebut bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta terutamanya pada hari cuti.

Sekian.

**ANWAR BIN MOHD ZAIN**

Pengurus Komunikasi Korporat  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
3 Julai 2009  
10 Rejab 1430H